

VENTOLIN[®] TABLET

Salbutamol sulphate (2 mg, 4 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VENTOLIN
2. Bagaimana VENTOLIN berfungsi
3. Sebelum mengambil VENTOLIN
4. Cara menggunakan VENTOLIN
5. Semasa menggunakan VENTOLIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VENTOLIN
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan VENTOLIN

VENTOLIN digunakan untuk:

- Asma bronkial,
- Bronkitis kronik (keradangan pada saluran pernafasan yang membawa udara ke paru-paru anda)
- Emfisema (kerusakan pada kantung udara (alveoli) dalam paru-paru anda)

Bagaimana VENTOLIN berfungsi

VENTOLIN Tablet mengandungi salbutamol yang tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dikenali sebagai *selective beta-2-adrenoceptor agonist* yang boleh digunakan untuk mengendurkan otot salur pernafasan.

Sebelum mengambil VENTOLIN

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil VENTOLIN Tablet dan beritahu doktor anda jika anda:

- alah (hipersensitif) terhadap salbutamol atau mana-mana bahan kandungan di dalam VENTOLIN Tablet
- disyaki akan mengalami kelahiran pramatang atau keguguran

- Sebelum mula mengambil

Bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil VENTOLIN Tablet jika anda:

- mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif (tirotoksikosis)
- menghadapi diabetes
- mengalami hipoksia (kekurangan oksigen di dalam tisu)
- menghadapi penyakit jantung yang teruk, (seperti penyakit jantung iskemia, degupan jantung yang tidak teratur, kegagalan jantung yang teruk)

Beritahu doktor anda jika anda mengalami simptom-simptom seperti sakit dada, dispnea (sesak nafas) atau simptom-simptom penyakit jantung yang semakin teruk.

Jika anda hamil, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

Jika anda pernah diberitahu bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap sesetengah gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil ubat ini, kerana ia mengandungi sejenis gula yang dikenali sebagai laktosa.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubat yang dibeli tanpa preskripsi. Terutamanya:

- penyekat beta seperti propranolol
- derivatif xanthine
- ubat steroid
- ubat diuretik

Cara menggunakan VENTOLIN

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa:

Dos biasa ialah 4mg tiga atau empat kali sehari. Doktor anda mungkin meningkatkan dos anda dengan beransur-ansur sehingga maksimum 8mg tiga atau empat kali sehari.

Sesetengah orang boleh dirawat dengan berjaya dengan 2mg tiga atau empat kali sehari.

Jika anda seorang warga tua atau sensitif terhadap produk ini atau produk-produk yang seumpamanya: Mulakan dengan 2mg tiga atau empat kali sehari.

Kanak-kanak berumur 2-6 tahun: 1-2mg tiga atau empat kali sehari.

Jika dos 1 mg diperlukan, penggunaan sirap salbutamol perlu dipertimbangkan.

Kanak-kanak berumur 6-12 tahun: 2mg tiga atau empat kali sehari.

Kanak-kanak berumur lebih daripada 12 tahun: 2-4mg tiga atau empat kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Gunakan sebagaimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa ambil VENTOLIN Tablet sebagaimana yang diarahkan oleh doktor anda. Jika anda tidak pasti, berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa. Jika anda terlupa untuk mengambil

satu dos, ambil sebaik sahaja anda teringat dan kemudian, ambil dos seterusnya pada masa yang betul.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda (atau sesiapa sahaja) tertelan banyak tablet pada masa yang sama, atau jika anda rasa seorang kanak-kanak mungkin telah menelan tablet ini, hubungi jabatan kecemasan hospital terdekat atau beritahu doktor anda dengan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk:

- tahap kalium dalam darah yang rendah yang boleh menyebabkan sentakan atau kelemahan otot dan denyutan jantung yang tidak teratur.
- Asidosis laktik (pengumpulan asid laktik dalam badan)
- Loya, muntah dan gula dalam darah yang tinggi telah dilaporkan terutamanya dalam kalangan kanak-kanak

Semasa menggunakan VENTOLIN

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Telan seluruh tablet dengan air. Jika anda mendapati tablet tidak berfungsi sebaik seperti dulu, hubungi doktor anda untuk nasihat.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ventolin Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Ubat ini hanya dipreskripsikan untuk anda sahaja. Jangan berinya kepada orang lain. Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun tanda-tanda mereka sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Peningkatan penggunaan ubat ini untuk mengawal simptom-simptom menunjukkan kemerosotan kawalan asma. Doktor anda mungkin akan memantau keadaan anda dengan lebih rapat dengan menjalankan beberapa ujian tertentu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, VENTOLIN Tablet boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, tetapi bukan setiap orang akan mengalaminya. Beritahu doktor anda jika anda mendapati mana-mana kesan sampingan yang berikut, mereka bertambah buruk atau jika anda mendapati mana-mana yang tidak tersenarai:

- reaksi alahan (hipersensitiviti): bengkak muka, bibir, kerongkong atau lidah, tompok-tompok yang pucat atau merah dan timbul dengan tidak teratur dengan kegatalan yang teruk (gatal-gatal), kesesakan pernafasan, tekanan darah rendah, pengsan
- tahap kalium darah yang rendah: sentakan atau kelemahan otot, denyutan jantung yang tidak teratur
- kesan-kesan lain: sakit kepala, getetar yang ringan, pelebaran saluran darah, denyutan jantung yang tidak teratur, kekejangan otot. Peningkatan jumlah asid di dalam badan (ketoasidosis) mungkin berlaku di kalangan penghidap diabetes

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers

ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan VENTOLIN

- *Penyimpanan*

Jauhkan daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C di tempat yang kering. Jangan gunakan VENTOLIN Tablet selepas tarikh luput yang tertera atas label/karton/botol. Tarikh luput itu merujuk kepada hari terakhir dalam bulan itu.

- *Pelupusan*

Ubat-ubat tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau sisa-sisa buangan isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

VENTOLIN Tablet 2mg merupakan tablet putih, bulat dan rata dengan pinggir serong dan diukir dengan GX/CN3.

VENTOLIN Tablet 4mg merupakan tablet putih, bulat dan rata dengan pinggir serong dan diukir dengan GX/CN5.

VENTOLIN Tablet dibekalkan dalam bekas yang mengandungi 100 biji tablet.

- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif

2mg atau 4mg *salbutamol*, sebagai *sulphate*

- Bahan-bahan tidak aktif

Lactose monohydrate, maize starch, pregelatinised starch, magnesium stearate

- Nombor MAL

VENTOLIN Tablet 2mg
MAL19961269ACZ

VENTOLIN Tablet 4mg
MAL19962831ACZ

Pengilang

Aspen Bad Oldesloe GMBH
Industriestrasse 32-36, 23843,
Bad Oldesloe, Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline Pharmaceutical
Sdn. Bhd.
Level 6, Quill 9,
112 Jalan Semangat,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

15 Disember 2015

BPFK(R4/1)181115/00438